

PROGRAM MEET THE SCIENTIST 2016 PUSAT SAINS NEGARA

DI JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA



Encik Ambun Dindang

Encik Ambun Dindang berkhidmat sebagai Pegawai Meteorologi di Bahagian Khidmat Korporat dan Komersil, Jabatan Meteorologi Malaysia. Beliau berumur 48 tahun dan mendapat pendidikan dalam Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Fizik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta mempunyai kepakaran dalam bidang Ramalan Cuaca dan Marin. Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Meteorologi selama 22 tahun dan pernah bertugas di Pusat Meteorologi Subang, Pusat Meteorologi Kuching, Pusat Cuaca Nasional dan Bahagian Korporat dan Komersil.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menerbitkan beberapa kertas penyelidikan mengenai Cuaca dan Monsun di Malaysia. Ceramah yang akan disampaikan oleh beliau adalah berkaitan fungsi dan peranan Jabatan Meteorologi Malaysia dalam memantau keadaan cuaca, laut, gempa bumi dan tsunami, meteorologi penerbangan dan khidmat klimatogi serta agrometeorologi. Beliau juga akan memberi penerangan berkenaan peralatan serta kaedah memantau dan meramal cuaca yang digunakan di Jabatan Meteorologi Malaysia termasuklah peralatan yang digunakan dalam bidang penerbangan.